

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 18 JUN 2021

KERATAN AKHBAR

## Selangor ada 2,000 juta liter air sumber bawah tanah

**SHAH ALAM** - Selangor mempunyai 2,000 juta liter air bawah tanah untuk kegunaan pengguna di Lembah Klang sekiranya berdepan kemarau.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perancangan dan Pembangunan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Nor Zamri Sondor berkata, pada masa ini, pembangunan penggunaan air bawah tanah tidak melebihi lima peratus dengan kerajaan negeri menjadikan sumber air tanah sebagai amaran akan datang.

"Kita pernah cadangkan penggunaan sumber air bawah tanah kitar 30 peratus dan ada pihak dustri yang menggunakan, namun perlu mendapat kelulusan daripada LUAS.

"Namun, hanya Kelantan setakat ini banyak menggunakan sumber air itu berbanding negeri lain termasuk Selangor yang bawah lima peratus sahaja penggunaannya," katanya dalam webinar mengenai gabungan pemeliharaan dan pemuliharaan ke arah kemapanan sungai, di sini semalam.

Webinar itu dihoskan Kelab Pemuliharaan Sungai, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam yang turut menampilkan panel Timbalan Setiausaha Kehormat Sahabat Sungai Malaysia, Mansor Ghani.

Nor Zamri menambah, pihaknya menggalakkan pihak luar atau operator dalam membina menggunakan terus penggunaan sumber

air bawah tanah itu.

Katanya, lembangan sungai di Selangor menerima jumlah purata hujan tahunan sebanyak 2,190 milimeter (mm).

"Kita mempunyai bekalan air melebihi 19,000 liter sehari dan hanya 35 peratus digunakan bagi pengguna Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Sumber air di Lembah Klang masih banyak, namun isu-isu berkaitan pencemaran masih mengganggu sistem bekalan air negeri ini," jelasnya.

Tegasnya, Skwad Pantas LUAS beroperasi selama 24 jam dengan kerjasama daripada Jabatan Alam Sekitar, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, polis dan pihak berkuasa tempatan.



**SUMBER** air di Lembah Klang masih banyak, namun isu berkaitan pencemaran masih mengganggu sistem bekalan air kepada penduduk  
- GAMBAR HIASAN